

# AL-HIKMAH

**Jilid 16 No. 2 ISSN 1985-6822 2024M  
1446H**

- SOROTAN KARYA BERSISTEMATIK PENDEKATAN PSIKOTERAPI SPIRITUAL ISLAM TERHADAP PENAGIH DADAH YANG MENGALAMI MASALAH SKIZOFRENIA ... 1-25  
*Hielda Noviyanty, Abu Dardaa Mohamad, Salasiah Hanin Hamjah & Zainab Ismail*
  - PENDEKATAN KAUNSELING ISLAM DALAM MEMPERKASA KESEJAHTERAAN EMOSI MAHASISWA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA ... 26-49  
*Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurhanisah Senin, Dharatun Nisa Puad Mohd Kari @ Fuad Mohd Karim*
  - PEMBINAAN WATAK DAN PERWATAKAN DALAM KARYA SASTERA BERTERASKAN AL-QURAN: ANALISIS KISAH NABI YUSUF ... 50-72  
*Syafawati bt. Salihan, Monika@Munirah Abd Razzak, Norrozoh binti Hj. Siren*
  - THE ROLE OF WAQF IN RESPONSE TO THE CHALLENGES OF PEACE AND YOUTH EMPOWERMENT IN YOBE STATE, NIGERIA ... 73-93  
*Ibrahim Dahru Idriss, Adibah Abdul Rahim, Ismail Mamat*
  - A REVIEW ON THE INTEGRATED ISLAM AND SCIENCE TEACHING MODEL IN MALAYSIA ...94-116  
*Zaim Zamri, Norshariani Abd Rahman, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Zetty Nurzuliana Rashed, Norfariza Binti Mohd Radzi, Ab Halim Tamuri, Ahmad Ashrif A Bakar*
  - PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI HADIS DAN FAKTOR-FAKTOR PENOLAKAN KEPADA AUTORITINYA ...117-140  
*Izwan Mohd Ali & Aminudin Basir@Ahmad*
  - KEY FACTORS INFLUENCING THE SUCCESS OF AI-QURAN MEMORIZATION AMONG TAHFIZ STUDENTS ...141-155  
*Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi, Nik Ahmad Mumtaz Nik Din, Mohammad Ibrahim Md Khalis, Haizuran Mohd Jani & Muhamad Razif Ahmad*
  - PEMIKIRAN DAN PENDEKATAN DAKWAH ABDULLAH MUNSYI DALAM HIKAYAT ABDULLAH ...156-175  
*Azman Yusof & Anisah Bahyah Hj Ahmad*
  - مكانة المرأة ودورها في رؤية الطريقة العلية القادمة الكسندرية ... 176-199  
*Oais H. A. Abuyounis, Muhamad Faisal Bin Ashaari, Mohamad Zulkifli Bin Abdul Ghani, Abu Dardaa Bin Mohamad*

## Pembinaan Watak dan Perwatakan dalam Karya Sastera Berteraskan al-Quran: Analisis Kisah Nabi Yusuf

**Role and Character Development in Literary Works Based on al-Quran: An Analysis of the Story of Prophet Yusuf**

SYAFAWATI BT. SALIHAN, MONIKA@MUNIRAH ABD RAZZAK & NORROZOH BINTI HJ. SIREN

### ABSTRAK

Kisah dalam karya sastera memiliki persamaan dengan kisah dalam al-Quran dari sudut elemen yang membina kisah, antaranya watak dan perwatakan. Kisah al-Quran tidak wajar ditiru sebaliknya ia sesuai dijadikan panduan dalam penghasilan karya. Teknik Surah Yusuf (TSY) merupakan sebuah panduan penulisan karya yang dibina berdasarkan kisah Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf yang diperkenalkan oleh Puan Ainan Mohd. Walau bagaimanapun, TSY tidak dibahagikan mengikut elemen dalam kisah, rujukan yang digunakan adalah menggunakan al-Quran dan terjemahan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sahaja. Kajian ini membawa panduan pembinaan watak dan perwatakan berteraskan al-Quran dengan meneliti aspek watak dan perwatakan Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf a.s dengan membentangkan huraihan dari kitab-kitab tafsir serta kajian-kajian ilmiah yang pernah dilakukan berkaitan kisah Nabi Yusuf a.s. Hasil kajian ini mendapati, Nabi Yusuf a.s membawa 6 watak yang berbeza iaitu anak, adik, hamba, sahabat, pemimpin dan utusan Allah SWT. Perwatakan Nabi Yusuf a.s mencerminkan kebaikan menyeluruh merangkumi aspek dalaman dan aspek luaran. Panduan pembinaan watak dan perwatakan yang betul penting bagi memandu pengarang menghasilkan karya yang membantu pembaca mengaitkan nilai-nilai Islam dengan kehidupan sehari-hari mereka.

**Kata kunci:** *Surah Yusuf, novel, watak, perwatakan*

### ABSTRACT

*Stories in literary works have similarities with stories in the Quran in terms of elements that build stories, including character and character. The story of the Quran is not suitable for imitation, on the contrary, it is suitable as a guide in the production of works. Surah Yusuf (TSY) technique is a guide to writing works based on the story of the Prophet Yusuf (a.s) in Surah Yusuf introduced by Mrs Ainan Mohd. However, TSY is not divided according to the elements in the story, the*

*references used are using the Quran and Malay or English translations only. This study examines the character and character aspects of the Prophet Yusuf (a.s) in Surah Yusuf (a.s) by presenting descriptions from the books of tafsir as well as scientific studies that have been made regarding the story of the Prophet Yusuf (a.s). This study found that Prophet Yusuf (a.s) carried 6 characters: children, brothers, servants, friends, leaders and messengers of Allah SWT. The character of the Prophet Yusuf (a.s) reflects the all-round goodness encompassing both internal and external aspects. Proper character and character development guidelines are important to guide authors to produce works that make it easier for readers to relate Islamic values to their daily lives.*

**Keywords:** Surah Yusuf, literary work, role, character

Diterima: 30 Oktober 2024

Diterima akhir: 27 November 2024

Disemak semula: 21 November 2024

Diterbitkan: 31 Disember 2024

## PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sebuah kitab wahyu yang memiliki kepelbagaiannya dalam kisah. Daripada 6236 ayat, 30 juzuk, 114 surah daripada al-Quran, dianggarkan jika ia dicetak dalam 400 halaman maka 100 halaman daripadanya adalah terdiri daripada ayat-ayat yang berbentuk kisah (Abbas, 2010). Kisah dalam al-Quran terbahagi kepada 3 bentuk, iaitu kisah para nabi dan rasul, kisah selain para nabi dan rasul dan kisah yang terjadi semasa hayat Nabi Muhammad s.a.w (al-Qattan, 2011). Kisah dalam al-Quran memiliki unsur-unsur yang membina kisah tersebut sebagaimana sebuah kisah dalam karya sastera (Miftah, 2017; Khairunnisa, 2020). Kisah al-Quran adalah kisah yang benar dan bukanlah kisah khayalan atau rekaan sebagaimana karyakarya sastera yang terdapat dalam pasaran. Cerita dalam al-Quran tidak wajar ditiru sebaliknya ia sesuai dijadikan panduan atau metode kajian (Zulkarnain, 2011). Al-Quran dapat dijadikan panduan dalam karya sastera dalam dua bentuk. Pertama, nilai dan pengajaran yang diketengahkan seiring dengan nilai dan pengajaran daripada al-Quran. Kedua, elemen yang membentuk sebuah kisah seperti tema, watak dan perwatakan, plot dan gaya penyampaian dibina berpandukan kisah dalam al-Quran (Osman, 2014).

Teknik Surah Yusuf (TSY) merupakan sebuah panduan penulisan karya yang dibina berdasarkan kisah Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf yang diperkenalkan oleh Puan Ainon Mohd (Ainon, 2011). Walau bagaimanapun, TSY tidak dibahagikan mengikut unsur dalam kisah. Setiap topik perbincangan dinyatakan sebagai bab baru dan ayat al-Quran yang dirujuk tidak dinyatakan dalam ulasan pada setiap bab. Selain itu, rujukan yang digunakan adalah menggunakan al-Quran dan terjemahan bahasa Melayu

atau bahasa Inggeris sahaja, tidak ditemui rujukan dari kitab tafsir atau kitab ulum al-Quran (Zahiruddin, 2018). Kajian ini memperincikan fungsi al-Quran sebagai sumber dalam sastera. Seterusnya menganalisis aspek watak dan perwatakan Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf a.s dengan membentangkan ayat-ayat yang menjelaskan watak dan perwatakan Nabi Yusuf a.s berserta huraian dari kitab-kitab tafsir serta kajian-kajian ilmiah yang pernah dilakukan berkenaan kisah Nabi Yusuf a.s. Panduan dalam pembinaan watak dan perwatakan akan dibentangkan pada akhir kajian.

## KAJIAN LITERATUR

### Karya Sastera dan Al-Quran

Al-Quran merupakan mukjizat kepada Nabi Muhammad s.a.w. kerana ia diturunkan dalam bahasa Arab yang memiliki kehebatan bahasa dan keindahan sastera yang jauh mengatasi kemampuan para penyair Arab pada waktu itu, selaras dengan budaya masyarakat Arab yang ketika itu sangat mengagungkan seni bahasa dan kesusasteraan (Mohd Zain, 2018). Melalui keistimewaan atau mukjizat bahasa dalam al-Quran ini, sebahagian sarjana Muslim dan bukan Muslim kemudiannya menganggap al-Quran sebagai sumber kehebatan dalam seni bahasa sastera. Mereka menyatakan bahawa al-Quran merupakan kitab sastera paling agung sepanjang sejarah kerana menyedari akan adanya nilai kesusasteraan al-Quran yang sangat tinggi (Adli, 2019).

Namun, kenyataan al-Quran sebagai ‘Kitab Sastera’ paling agung tidak boleh diterima kerana ia merendahkan martabat al-Quran yang merupakan kalam Allah SWT kepada sesuatu karya bertaraf dan bersifat manusawi. Al-Quran adalah wahyu bersifat mutlak dan tidak ada keraguan padanya (al-Quran 2:2), tidak berubah dan kekal sehingga hari kiamat kerana Allah SWT sendiri menjaminnya (al-Quran 15:9). Sastera Islam merujuk kepada karya yang dihasilkan bersandarkan kepada ajaran al-Quran dan hadis. Jika al-Quran dilihat sebagai sumber ajaran agama daripada Allah SWT sebagai panduan dalam kehidupan manusia dengan matlamat mentauhidkan Allah SWT, maka sastera Islam adalah karya yang juga bersifat memandu manusia kepada mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan dengan matlamat membesarkan Allah SWT (Samsina, 2021). Sastera Islam telah digunakan dengan penuh bijaksana seiring dengan kedatangan Islam untuk menyebarkan dakwah. Islam telah membentuk semula isi dan falsafah sastera Melayu yang merangkumi pertukaran pada tajuk serta isi dan falsafah dalam sastera tersebut. Hal ini bertepatan dengan maksud sastera dalam bahasa Arab iaitu ‘al-adab’ yang bermaksud budi pekerti, tabiat, keadaan dan tingkah laku. Adab atau *adabiyyah* ialah hasil

penulisan orang yang menjawai Islam yang dapat diteladani nilai keislamannya (Adli Yaacob 2006).

Penyandaran sastera Islam kepada al-Quran dapat dilihat dari dua aspek. Aspek pertama ialah, panduan dan pengajaran dalam karya yang membawa pembaca semakin memahami Islam dan beramal dengannya. Para sarjana Islam yang membahaskan dan membicarakan berkenaan sastera Islam bersetuju menyatakan bahawa sastera Islam perlu lahir daripada orang Islam yang memahami, mendalami, menghayati dan iltizam dengan Islam. Karyanya pula perlu mengandungi nilai keislaman yang berlandaskan pengajaran al-Quran, hadis dan sunnah Rasulullah s.a.w. Hasil penulisan tersebut perlu berjaya memperkenalkan dan mempertemukan pembaca akan hakikat dirinya, hakikat alam yang terbentang luas dan yang utama adalah mengenali Allah SWT sebagai Yang Menciptakan (*ma'rifatullah*). Hal ini bererti sastera Islam sewajarnya membawa pembaca kepada kebaikan sama ada dalam hubungan dengan Allah mahupun hubungan dengan manusia (Samsina, 2021). Aspek kedua ialah, kaedah pengisahan dalam karya yang mengambil panduan daripada kaedah pengisahan al-Quran. Kisah dalam al-Quran memiliki unsur-unsur yang membina kisah tersebut sebagaimana sebuah kisah atau karya sastera, antaranya adalah watak dan perwatakan. Kisah dalam al-Quran jarang mengungkapkan tentang sifat fizikal watak atau pelaku namun lebih kepada keperibadian dan tindakan mereka (perwatakan). Sebagai contoh, Nabi Musa a.s digambarkan memiliki peribadi yang tegas dan keras serta fizikal yang kuat. Hal ini dapat dilihat daripada kesan tindakan baginda yang menyebabkan kematian secara tidak sengaja terhadap seorang lelaki (al-Quran 28:15). Sikap tegas dan keras baginda juga dapat dilihat melalui respons baginda kepada Nabi Harun a.s ketika umatnya menyembah lembu (al-Quran 20:92-94).

Contoh lain adalah Nabi Ibrahim a.s yang digambarkan memiliki peribadi yang tenang dan sabar serta toleransi yang tinggi. Baginda dengan tenang dan sabar merenung tentang Tuhan melalui alam semesta (al-Quran 6:76-79), baginda sabar dalam berdakwah kepada ayahnya sendiri (al-Quran 19:42-45) serta sabar dalam menunaikan perintah Allah SWT untuk menyembelih anaknya sendiri. Contoh aspek fizikal yang terdapat dalam al-Quran dapat dilihat dalam kisah Nabi Yusuf a.s. Allah SWT memberi gambaran tentang ketampanan Nabi Yusuf a.s melalui respons wanita-wanita yang berada dalam suatu majlis yang diadakan oleh tuannya (al-Quran 37:102).

Karya sastera mampu mempengaruhi pembinaan watak seseorang (Fathnin Noor Ain & Azhar, 2018). Karya yang diklasifikasikan sebagai patuh syariah telah berjaya menyumbang ke arah pemahaman agama masyarakat yang lebih baik. Karya patuh syariah memberi gambaran Islam yang betul dan indah kepada pembaca bukan Islam sekali gus silap faham

tentang agama Islam dan diayah yang terpesong dapat dielakkan (Nadiyah et al., 2022). Karya sastera yang menekankan nilai-nilai murni juga dipilih untuk pengajaran di dalam subjek KOMSAS kerana unsur-unsur nilai murni dapat mendidik remaja (Fathnin Noor Ain & Azhar, 2018). Watak dan perwatakan menjadi tunjang kepada penonjolan nilai murni dalam karya sastera, apabila pembaca dapat mengaitkan nilai murni dalam bahan bacaan dengan kehidupan harian terutama sifat manusia yang berusaha ke arah kebaikan meskipun berhadapan cabaran (Tuan Siti Nurul Suhadah et al. 2021).

### Panduan Pembinaan Karya Sastera Berteraskan Al-Quran

Osman (2014) dalam kajian beliau bertajuk *The Literary Facet Of The Quran As A Guideline For Islamic Literary Writing* menggariskan 5 perkara yang seharusnya dipatuhi oleh pengarang Muslim dalam menghasilkan karya yang diklasifikasikan sebagai Islami. Antaranya adalah watak yang ditonjolkan memiliki matlamat dan tanggungjawab yang jelas sebagaimana yang digariskan dalam Islam iaitu taat kepada Allah SWT, meyakini hari pembalasan dan beramal dengan penuh kesedaran bahawa setiap perkara di nilai oleh Allah SWT. Kisah yang dihasilkan hendaklah membawa nilai bahasa yang sopan dan baik sebagaimana yang dianjurkan dalam al-Quran, tidak menampilkan kata-kata yang kasar dan kesat dalam penulisan yang boleh memberi kesan kepada pembaca. Pengarang hendaklah ikhlas dalam penghasilan kisah serta fokus dalam kerja yang dilakukan.

Panduan ini menyamai Teori Takmilah yang dihasilkan oleh Shafie Abu Bakar yang menyenaraikan 7 nilai berasaskan tauhid sebagai kayu ukur dalam penghasilan novel Islam, iaitu prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat *takamul*, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat *takmilah*, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri serta prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil. Meskipun istilah-istilah yang digunakan bagi tujuh prinsip tersebut mempunyai perbezaan, namun semuanya adalah berasal daripada akar kata sifat Kamal (sempurna) yang daripadanya dibina istilah ‘takmilah’ (Adli Yaacob, 2022).

Teknik Surah Yusuf (TSY) merupakan sebuah panduan penulisan novel yang dibina berdasarkan kisah Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf yang diperkenalkan oleh Puan Ainon Mohd. Teknik penulisan novel yang dikemukakan telah digali dan dikaji daripada ayat-ayat yang terdapat dalam surah Yusuf dan teori pengisahan yang dibina dari surah Yusuf dijadikan model bagi penghasilan novel yang disifatkan sebagai indah dan tahan lama

di pasaran. Terdapat 7 rumus yang diketengahkan oleh teknik ini iaitu kisah yang dihasilkan adalah kisah benar, tema utama adalah keluarga, watak utama adalah watak lelaki, tempoh cerita yang panjang, jumlah watak melebihi 20 orang, watakjahat yang berakhir dengan baik dan tiada babak percampuran antara lelaki dan perempuan bukan muhrim (Ainon Mohd, 2011).

Walau bagaimanapun, TSY tidak dibahagikan mengikut elemen dalam pengisahan. Setiap topik perbincangan dinyatakan sebagai tajuk baru bagi setiap bab meskipun perbincangan adalah berturutan dan berkait antara satu sama lain. Selain itu, kesemua rujukan yang digunakan adalah menggunakan al-Quran dan terjemahan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sahaja, tidak ditemui rujukan dari kitab tafsir atau kitab Ulum al-Quran. Ini jelas menunjukkan kemampuan penulis yang agak terhad dalam merujuk sumber utama dalam pentafsiran ayat al-Quran (Zahiruddin, 2018). Kajian lepas menunjukkan, panduan yang diketengahkan dalam penulisan kreatif dibentuk secara umum dari sudut prinsip yang perlu dipatuhi oleh pengarang dan karya yang dihasilkan, tanpa perincian dari sudut kaedah dan konsep untuk memastikan prinsip tersebut dipatuhi. Dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti secara khusus aspek watak dan perwatakan dengan membangunkan konsep pembinaannya berdasarkan al-Quran, iaitu kisah Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan dengan fokus kepada Surah Yusuf sebagai bahan analisis untuk membangunkan konsep watak dan perwatakan berteraskan al-Quran. Analisis terhadap surah Yusuf dilakukan dengan meneliti 33 ayat yang berkaitan peribadi Nabi Yusuf a.s. Huraian pada setiap ayat dilaksanakan dengan merujuk kitab-kitab tafsir primer dan sekunder karangan Ibn Kathir, al-Tabari, al-Qurtubi, al-Nabhlusi, Sayyid Qutb, Tafsir Munir dan Tafsir al-Azhar (HAMKA). Pengkaji turut merujuk kitab-kitab berkaitan kisah-kisah al-Quran, kajian akademik terdahulu seperti tesis doktor falsafah, disertasi sarjana, artikel, jurnal dan prosiding akademik serta beberapa sumber dalam talian berautoriti yang dapat diakses secara terbuka. Analisis perwatakan dilaksanakan secara deduktif dengan setiap ayat dikelaskan mengikut perwatakan mengikut aspek dalaman dan luaran. Hasil analisis dibentuk dalam kerangka panduan kepada pembinaan watak dan perwatakan dalam karya sastera.

## ANALISIS WATAK DAN PERWATAKAN DALAM SURAH YUSUF

## Watak

Watak bermaksud mereka yang wujud dalam sebuah cerita serta peranan yang dimainkan oleh mereka dalam cerita tersebut. Manakala perwatakan merujuk kepada sifat atau sikap watak tersebut sama ada secara luaran ataupun dalaman. Fokus utama dalam analisis watak ini adalah kepada Nabi Yusuf a.s sebagai tonggak utama dalam surah Yusuf. Kisah nabi-nabi yang lain dalam al-Quran kebanyakannya mengetengahkan peribadi nabi tersebut sebagai pendakwah dalam masyarakat mereka. Antaranya kisah dakwah Nabi Ibrahim a.s kepada kaumnya yang menyembah berhala, kisah dakwah Nabi Musa a.s kepada Fir'aun yang mengaku tuhan dan kepada Bani Israil yang menyembah lembu, kisah dakwah Nabi Nuh a.s yang berdakwah kepada kaumnya selama 950 tahun, kisah Nabi Lut a.s yang berdakwah kepada kaum Sodom yang melakukan hubungan songsang dan kisah dakwah Nabi Hud a.s kepada kaum 'Ad yang menyembah berhala.

Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf membawa beberapa peranan dalam kehidupan sebagaimana manusia lain. Peranan yang pelbagai ini disertai dengan kepelbagaiannya cabaran serta bagaimana Nabi Yusuf a.s menghadapi setiap satu cabaran tersebut. Peranan yang pelbagai ini juga merupakan elemen utama yang menjadikan kisah Nabi Yusuf sarat dengan elemen penulisan kreatif dalam sastera. Analisis terhadap watak yang dibawa oleh Nabi Yusuf a.s dalam Surah Yusuf dikemukakan dalam jadual di bawah :

<b>Ayat</b>	<b>Watak</b>	<b>Intipati</b>
4	Anak	Nabi Yusuf a.s merupakan seorang anak kepada Nabi Ya'qub a.s. Dalam ayat ke-4, Allah SWT menjelaskan dialog Nabi Yusuf a.s bersama ayahnya berkenaan mimpi yang dialami oleh baginda
5	Adik	Nabi Yusuf a.s merupakan seorang adik kepada sebuah keluarga besar yang memiliki 12 orang adik beradik (al-Qurtubī 2004). Perihal adik-beradik Nabi Yusuf a.s ditemui pada ayat kelima dalam surah Yusuf, bapanya menasihatkan baginda supaya tidak menceritakan mimpi yang di alami kepada adik-beradiknya
20	Hamba	Nabi Yusuf a.s merupakan seorang hamba yang telah dijual kepada pembesar Mesir (al-'Aziz). Baginda yang dibuang ke dalam telaga oleh abang-abangnya telah ditemui oleh pedagang yang melalui kawasan tersebut, dan mereka telah menjual Nabi Yusuf a.s sebagai hamba
36	Sahabat	Nabi Yusuf a.s merupakan seorang sahabat. Ketika berada di dalam penjara, baginda telah dikunjungi oleh 2 orang

		sahabat dalam penjara yang meminta bantuan Nabi Yusuf a.s untuk mentakwil mimpi mereka
55	Pemimpin	Nabi Yusuf a.s merupakan seorang pemimpin dalam masyarakat. Setelah Nabi Yusuf a.s mentakwil mimpi raja dan menjelaskan fitnah yang berlaku yang menyebabkan baginda di penjara, maka raja Mesir tertarik dengan peribadi Nabi Yusuf a.s seraya memanggil baginda. Daripada perbicaraan bersama Nabi Yusuf a.s, raja mendapati baginda adalah seorang yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan akhlak yang baik. Raja turut bersetuju dengan permintaan Nabi Yusuf a.s untuk menjadikan baginda sebagai bendahara negara, kerana kecerdikan Nabi Yusuf a.s menyelesaikan masalah ekonomi dan kejujuran baginda dalam menghadapi fitnah yang telah berlaku (al-Zuhaili 2014, al-Khālidī 2016).
22	Rasul dan Utusan Allah	Nabi Yusuf a.s merupakan seorang utusan Allah SWT dan pendakwah. Menurut al-Qurtubi, Nabi Yusuf a.s telah dilantik menjadi Nabi ketika baginda berada dibawah jagaan al-áziz dan berkhidmat untuk keluarga tersebut (al-Qurtubī 2004).

Berdasarkan kepada huraiyan yang di atas, jelaslah di sini bahawa peranan Nabi Yusuf a.s yang dibentangkan dalam al-Quran tidak terhad kepada menyampaikan ajaran Islam atau berdakwah kepada masyarakat semata-mata, sebagaimana kisah nabi-nabi lain yang ditemui dalam al-Quran. Malah peranan baginda mencakupi aspek-aspek lain dalam kehidupan harian, iaitu sebagai seorang anak, seorang adik, seorang hamba, seorang sahabat, seorang pemimpin dan utusan Allah SWT yang menyampaikan ajaran Islam. Peranan yang pelbagai ini merupakan elemen utama yang menjadikan kisah Nabi Yusuf sarat dengan elemen penulisan kreatif dalam sastera. Kepelbagaiannya peranan ini akan membawa kepada kepelbagaiannya cabaran yang dihadapi. Maka, kaedah Nabi Yusuf a.s menghadapi kepelbagaiannya cabaran dalam melaksanakan peranan menjelaskan perwatakan baginda serta dapat menjadi rujukan kepada pengarang novel dalam menghasilkan watak muslim yang mampu membawa mesej al-Quran dengan baik.

### Perwatakan

Perwatakan seseorang mencerminkan nilai yang tertanam dalam diri. Bagi seorang Muslim, tingkah laku ini merupakan simbol kepada tauhid dan kecerdasan spiritual yang menjadi pemangkin kepada kualiti dalam memelihara hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia (Suriani et al., 2020). Nilai tauhid dapat dilihat secara konsisten dalam perwatakan

Nabi Yusuf a.s. Setiap perilaku baginda adalah berasaskan keyakinan kepada Allah SWT serta keteguhan pegangan baginda kepada syariat.

Nabi Yusuf a.s. menunjukkan pegangan tauhid yang teguh walaupun dalam situasi sukar. Baginda konsisten dengan perwatakan yang baik, yang terzahir sama ada dalam aspek dalaman ataupun luaran. Kebaikan yang menyeluruh yang merangkumi aspek dalaman dan luaran ini bertepatan dengan konsep personaliti Muslim yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali (Nurul Hudani & Baharudin 2016). Analisis terhadap perwatakan Nabi Yusuf a.s dikemukakan dalam jadual di bawah :

a) Aspek Dalaman

**Jadual 1:**

Perwatakan	Ayat	Intipati
Ketinggian tauhid	23	Nilai tauhid terzahir apabila baginda menolak ajakan isteri al-'Aziz yang inginkan diri baginda dan mengajaknya melakukan perkara yang ditegah oleh Allah SWT. Namun, kesemua usaha tersebut gagal kerana kesabaran dan ketegasan Nabi Yusuf a.s. (al-Khālidī 2016). Baginda sentiasa menyedari akan pengawasan Allah SWT dalam setiap perkara dan kesan buruk kepada hamba yang melakukan perkara yang ditegah oleh Allah SWT (al-Nablusī 2017).
	33	Tekanan daripada isteri al-'Aziz tidak berakhir di situ, malah dugaan kepada Nabi Yusuf a.s bertambah besar dengan penglibatan wanita-wanita lain dari kalangan bangsawan yang bukan sahaja mendesak baginda memenuhi hajat isteri al-'Aziz malah turut menginginkan diri baginda. Namun, kesabaran dan ketinggian nilai tauhid dalam diri Nabi Yusuf a.s menjadi asas kekuatan baginda untuk tidak tunduk kepada tekanan besar yang dihadapi pada waktu tersebut. Baginda menzahirkan pergantungan kepada Allah SWT dengan melafazkan doa yang menjelaskan pendirian baginda bahawa penjara lebih disukai daripada memenuhi permintaan wanita-wanita tersebut.
	90	Ketinggian tauhid Nabi Yusuf a.s tidak hanya terzahir saat dalam tekanan, malah juga ketika melalui keadaan yang menyenangkan. Perkara ini dapat dilihat apabila Nabi Yusuf a.s mendedahkan identiti dirinya yang sebenar kepada adik-beradiknya yang sebelum ini pernah membuangnya ke dalam telaga. Ketinggian tauhid dalam

		diri Nabi Yusuf a.s membawa kepada kerendahan hati yang terzahir dalam kata-kata baginda, di mana baginda menyandarkan segala kebaikan dan keselamatan yang diterima kepada Allah SWT. Baginda turut menjelaskan resipi kejayaan dalam kehidupan yang dipegang oleh baginda sepanjang melalui cabaran dalam kehidupan, iaitu takwa dan sabar.
	100	Pertemuan semula dengan ibu bapa serta adik-beradiknya merupakan satu kegembiraan kepada Nabi Yusuf a.s. Baginda memeluk kedua ibu bapanya dan berbicara berkenaan kebenaran mimpi baginda yang pernah dikisahkan kepada bapanya sewaktu kecil. Doa yang dilafazkan oleh baginda merupakan manifestasi ketinggian jati diri seorang Muslim yang meletakkan tauhid sebagai tonggak utama kehidupan
Hubungan yang baik dengan keluarga	4 & 5	Nabi Yusuf a.s memulakan kalam ketika berbicara dengan ayahnya dengan ‘yā’ iaitu ‘wahai’ dan diikuti dengan ‘abati’ iaitu ‘ayahku’. Malah Nabi Ya’qub a.s juga menggunakan susunan panggilan yang sama ketika berbicara dengan Nabi Yusuf a.s dalam ayat seterusnya. Panggilan ini merupakan gambaran ketinggian kedudukan seorang ayah dan ketinggian budi seorang anak memanggil ayahnya dengan panggilan yang sopan dan mesra (Mariyatul Norhidayati Rahmah 2016, Adhi, 2022).
	58	Hubungan yang baik antara Nabi Yusuf a.s dapat dilihat pada babak ketika adik-beradiknya datang ke Mesir untuk meminta bantuan makanan. Kebaikan Nabi Yusuf a.s terhadap adik-beradiknya yang telah membuangnya ke telaga ketika kecil terzahir dengan layanan baik yang diberikan kepada mereka. Nabi Yusuf a.s berbicara dengan baik kepada mereka, bertanya tentang diri dan ahli keluarga mereka (al-Khālidī 2016).
	100	Ketinggian budi seorang anak tetap terzahir pada diri Nabi Yusuf a.s ketika dipertemukan semula dengan kedua ibu-bapanya walaupun telah terpisah lama. Nabi Yusuf a.s tidak hanya menyambut mereka dengan penuh mesra dan kasih sayang, malah memberikan mereka layanan yang terbaik dengan menempatkan mereka di singgahsana kerajaannya. Tindakan ini adalah penzahiran penghormatan melebihi apa yang telah dilakukan oleh adik-beradiknya terhadapnya (al-Zuhaili 2014, al-Thahir

		2017).
Sabar	15	Nabi Yusuf a.s membesar dengan adik-beradik yang cemburu kepadanya kerana perhatian yang lebih diberikan oleh bapa mereka kepada Nabi Yusuf a.s. Cemburu ini membawa kepada dendam dan tindakan membuang Nabi Yusuf a.s ke dalam telaga, dengan harapan bapa mereka akan memberikan perhatian kembali kepada mereka. Ibn Kathir menyebut, ilham Allah SWT kepada Nabi Yusuf a.s merupakan sumber ketenangan dan kesabaran baginda yang berada dalam telaga pada waktu tersebut (Ibn Kathīr 2019).
	23	Kesabaran Nabi Yusuf a.s teruji dengan godaan oleh isteri al-'Aziz yang telah sekian lama menaruh hati terhadap baginda. Ketinggian tauhid menjadi asas kepada kesabaran dan kekuatan Nabi Yusuf a.s untuk menolak ajakan isteri al-'Aziz.
	29	Nabi Yusuf a.s terus menzahirkan sabar yang tinggi tatkala diminta oleh al-'Aziz untuk tidak menyebarkan perkara yang dilakukan oleh isterinya terhadapnya, kerana beliau lebih merisaukan kedudukan dan kekuatannya dalam kerajaan (al-Khālidī 2016).
	77	Nabi Yusuf a.s menzahirkan ketinggian sabar dalam diri baginda tatkala dirinya difitnah oleh abang-abangnya yang ketika itu tidak mengenali baginda sebagai Yusuf. Ketika barang raja yang hilang ditemui pada adik mereka Bunyamin, mereka telah menuduh bahawa sifat mencuri itu turut ada pada abang kandungnya (merujuk kepada Yusuf). Baginda hanya melafazkan kekecewaan dalam hati tanpa dizahirkan.
Pemaaf	92	Sifat pemaaf Nabi Yusuf a.s terserlah melalui peristiwa baginda memaafkan saudara-saudaranya. Setelah Allah SWT meninggikan darjat Nabi Yusuf dan menjadikannya sebagai salah seorang pemimpin di Mesir, baginda tidak membala dendam terhadap adik-beradiknya ketika mereka datang meminta bantuan semasa menghadapi kelaparan. Sebaliknya, Nabi Yusuf a.s menunjukkan sikap pemaaf yang luar biasa. Baginda bukan sahaja memaafkan mereka tetapi juga menenangkan mereka dengan mendoakan keampunan buat mereka,

Berfikiran positif	33	Nabi Yusuf a.s berhadapan dengan beberapa situasi yang menyebabkan konflik dalam diri baginda. Namun kekuatan hubungan dengan Allah SWT merupakan asas kepada terbinanya fikiran positif dan penyelesaian yang baik dalam situasi yang dihadapi.
--------------------	----	--

### b) Aspek Luaran

Perwatakan	Ayat	Intipati
Penampilan Yang Menarik	31	Rupa paras wajah merupakan salah satu bentuk penampilan pada diri seseorang (Siti Anisah & AbRahman 2021). Penampilan yang baik dan menarik perlu diberi perhatian dan dimanfaatkan dalam menjaga hubungan sesama manusia (Misri, 2024). Ketampanan wajah Nabi Yusuf a.s menjadi satu dugaan yang besar buat dirinya dan menimbulkan kesan kepada masyarakat sekeliling. Ketampanan baginda menjadikan isteri al-'Aziz tidak putus asa berusaha memikat Nabi Yusuf a.s sehingga mengajak baginda melakukan perbuatan yang ditegah oleh syariat. Tekanan daripada isteri al-'Aziz tidak berakhir di situ, malah dugaan kepada Nabi Yusuf a.s bertambah besar dengan penglibatan wanita-wanita lain dari kalangan bangsawan yang bukan sahaja mendesak baginda memenuhi hajat isteri al-'Aziz malah turut menginginkan diri baginda.
Memiliki ilmu pengetahuan yang dimanfaatkan	21 -22	Allah SWT membentuk personaliti yang hebat pada Nabi Yusuf a.s dengan menetapkan baginda berada dalam rumah al-'Aziz dan mengurniakan baginda ilmu pengetahuan berkenaan takwil mimpi (al-Tabari 1997). Hamka (2019) menjelaskan, Nabi Yusuf a.s mempelajari pelbagai perkara berkaitan kehidupan dan pengurusan ketika berada di rumah al-'Aziz. Baginda teliti dalam menilai sesuatu perkara dan menilai antara salah dan benar, antara adil dan zalim dan antara baik dan buruk. Ketika berada di rumah al-'Aziz yang merupakan seorang yang berkuasa tinggi, Nabi Yusuf a.s melihat bagaimana al-'Aziz memutuskan sesuatu perkara, menyemak dan mendengar serta memerhatikan. Proses-proses tersebut menjadikan ilmunya bertambah dan penuh hikmah.
	41	Nabi Yusuf a.s menggunakan ilmu yang diberikan oleh Allah SWT kepada perkara yang bermanfaat untuk masyarakat dan agama. Ketika berada dalam penjara,

		Nabi Yusuf a.s telah memberi bantuan kepada 2 orang sahabat dalam penjara yang bertanya tentang takwil mimpi mereka.
	47-49	Nabi Yusuf a.s turut membantu sahabat dalam penjara yang telah pun dibebaskan ketika itu, untuk mentakwil mimpi raja. Sedangkan, pada ketika itu sahabatnya telah terlupa akan permintaan Nabi Yusuf a.s agar sahabatnya dapat membantu membebaskan baginda dari penjara (Al-Quran 12:42).
	37	Ilmu tersebut tidak sekadar bermanfaat dalam membantu orang yang memerlukan, malah digunakan sebagai wasilah untuk mengajak manusia beriman kepada Allah SWT. Perkara ini dapat dilihat pada dialog Nabi Yusuf a.s ketika diminta oleh sahabat dalam penjara untuk mentakwilkan mimpi mereka. Nabi Yusuf a.s tidak memberikan jawapan kepada mereka secara terus namun baginda menggunakan peluang tersebut untuk menarik minat dan fokus mereka kepada perkara yang hendak disampaikan.
Berani kerana benar	26	Nabi Yusuf a.s tidak berdiam diri menghadapi tuduhan yang dilemparkan oleh isteri al-'Aziz. Baginda berani membela dirinya dan dengan tegas menjelaskan kepada al-'Aziz bahawa isteri al-'Aziz yang sebenarnya telah menggoda baginda
	42	Keberanian Nabi Yusuf a.s juga terzahir ketika baginda meminta kepada sahabat dalam penjara yang akan dibebaskan, untuk menyebut kepada raja ketika itu berkenaan perihal dirinya yang dipenjarakan secara zalim akibat peristiwa yang dirancang oleh isteri al-'Aziz. Nabi Yusuf a.s berani mengutarakan cadangan tersebut dan bijak dalam merencana kerana mengetahui tugas sahabatnya sebagai tukang pemberi minum air raja menjadikan sahabatnya antara orang yang paling hampir dengan raja.
	50 & 51	Apabila Nabi Yusuf a.s berpeluang menghadap raja, baginda dengan berani dan tegas meminta agar segala fitnah yang dilemparkan kepadanya dibersihkan sebelum keluar dari penjara. Maka, raja telah meminta penyaksian dari mereka yang menuduh termasuklah isteri al-'Aziz. Hasil usaha baginda itu, maka baginda telah dibela dan fitnah tersebut dapat dilerakan.

	89	Keberanian Nabi Yusuf a.s turut terzahir ketika baginda berhadapan dengan adik-beradiknya yang satu ketika dahulu pernah membuang baginda yang menyebabkan baginda terpisah dengan keluarga dan dijual sebagai barang dagangan. Baginda dengan berani memperkenalkan diri yang dimulai dengan mengingatkan kembali kepada mereka tentang perbuatan mereka dahulu.
Tegas dengan syariat	23 & 33	Keteguhan keimanan kepada Allah SWT dan kesedaran penuh terhadap keperluan untuk patuh kepada syariat Allah SWT menjadi tunjang kekuatan Nabi Yusuf a.s menolak ajakan isteri al-'Aziz. Nabi Yusuf a.s memiliki pandangan mata hati yang sentiasa merasakan keberadaan Allah SWT di mana-mana menjadikan baginda terpelihara dari ajakan tersebut (Al-Tâhir 2017). Berani mempertahankan prinsip dan berani menerima akibat dalam usaha mempertahankan jati diri Muslim menggambarkan sikap tegas Nabi Yusuf a.s dalam kepatuhan kepada Allah SWT.
Taat kepada tuan	23	Nabi Yusuf a.s berkhidmat sebagai hamba kepada al-'Aziz dan baginda taat kepada tuannya. Ketaatan Nabi Yusuf kepada al-'Aziz mencerminkan nilai akhlak yang tinggi dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab. Ketika Nabi Yusuf a.s digoda oleh isteri al-'Aziz untuk melakukan maksiat, baginda telah melafazkan doa memohon perlindungan daripada Allah SWT sebagai usaha menolak ajakan isteri al-'Aziz. Ingatan Nabi Yusuf a.s terhadap kebaikan dan penjagaan yang telah diberikan oleh al-'Aziz kepadanya juga menjadi salah satu sebab baginda tegas menolak ajakan isteri al-'Aziz (Moh. Mauluddin et al., 2022).
	31	Ketaatan Nabi Yusuf a.s kepada keluarga al-'Aziz dizahirkan kepada isteri al-'Aziz yang telah menggoda baginda sebelum ini. Ketika isteri al-'Aziz mengumpulkan wanita-wanita bangsawan dengan tujuan menunjukkan ketampanan Nabi Yusuf a.s, isteri al-'Aziz telah memberikan sebilah pisau kepada setiap seorang dan memanggil Nabi Yusuf a.s keluar. Walaupun Nabi Yusuf a.s telah melalui situasi difitnah oleh isteri al-'Aziz (al-Quran 12:25), dibuktikan tidak bersalah (al-Quran 12:28), dan diminta melupakan perkara yang berlaku (Al-Quran 12:29), perkara itu tidak menjadi sebab untuk baginda tidak meneruskan ketaatan kepada tuannya. Baginda tetap

		mendengar arahan isteri al-'Aziz untuk keluar ke khalayak tetamu dalam kalangan wanita-wanita bangsawan itu.
Tidak putus asa dalam berusaha	42	Ketika Nabi Yusuf a.s berada dalam penjara, baginda telah membantu mentakwil mimpi dua orang sahabat dalam penjara. Takwil bagi salah seorang sahabatnya adalah, dia akan menghidangkan minuman arak kepada tuannya (al-Quran 12:41). Mimpi ini bermaksud lelaki tersebut akan dibebaskan dari penjara. Yusuf a.s meminta kepada sahabat dalam penjara yang akan dibebaskan untuk berbicara kepada raja berkenaan perihal dirinya yang dipenjarakan secara zalim akibat peristiwa yang dirancang oleh isteri al-'Aziz. Keberanian Nabi Yusuf a.s mengutarakan cadangan tersebut menunjukkan sikap tidak berputus asa baginda dalam membersihkan maruah baginda yang tercalar akibat fitnah yang dilemparkan.
Tekun dalam berdakwah	37-40	Tugas dakwah tidak berhenti walaupun baginda berada dalam penjara. Dakwah Nabi Yusuf a.s dalam penjara bukan sahaja menonjolkan kebijaksanaan baginda dalam berdakwah, tetapi juga menunjukkan kesantunan baginda dalam menyampaikan risalah tauhid walaupun dalam keadaan penuh kesulitan (Sayyid Qutb 2010, Amru, 2014).
Membantu mereka yang memerlukan	36, 46	Nabi Yusuf tidak mengabaikan mereka atau menolak mereka walaupun beliau sendiri berada dalam keadaan sukar. Sebaliknya, beliau mendengar dengan teliti dan berusaha memahami keperluan mereka sebelum mentakwil mimpi dua orang sahabat dalam penjara. Bantuan yang diberikan menunjukkan peribadi Nabi Yusuf a.s yang membantu mereka yang memerlukan.
Bijak mengatur strategi	47-49	Nabi Yusuf a.s adalah contoh teladan dalam kebijaksanaan mengatur strategi, baik dalam bidang ekonomi, diplomasi, dan pengurusan sumber. Baginda berjaya menggunakan ilmunya untuk mentafsir mimpi raja sebagai asas kepada perancangan jangka panjang yang menyelamatkan Mesir daripada krisis kebuluran.
	59-60	Kebijaksanaan baginda dalam mengurus saudara-saudaranya dan mendamaikan hubungan keluarga juga menunjukkan kepekaan diplomatik yang halus. Kejayaan Nabi Yusuf a.s mengatur pertemuan semula dengan keluarganya menunjukkan bahawa baginda mampu

		mengawal situasi dengan cermat dan tidak bertindak terburu-buru. Baginda menggunakan taktik yang halus untuk mencapai matlamatnya tanpa mencetuskan sebarang konflik atau ketegangan dalam keluarga.
	36	Kebijakan dan sikap berperancangan dapat dilihat pada Nabi Yusuf a.s saat baginda berdakwah kepada sahabat dalam penjara. Baginda bijak mencuri peluang untuk menyampaikan dakwah ketika mereka dalam keadaan memerlukan jawapan dari Nabi Yusuf a.s berkenaan mimpi mereka.
Amanah	4-5	Ketika Nabi Yusuf a.s menceritakan kepada bapanya bahawa baginda bermimpi melihat 11 bintang serta bulan dan matahari sujud padanya, bapanya telah berpesan supaya baginda tidak menceritakan mimpi tersebut kepada adik beradiknya. Teladan amanah pada Nabi Yusuf a.s dapat dilihat pada peristiwa ini apabila baginda berpegang kepada pesanan bapanya itu (Muhammad Jamil 2023).
	55	Salah satu peristiwa utama yang menunjukkan sifat amanah Nabi Yusuf ialah ketika baginda dilantik untuk menguruskan perbendaharaan negara setelah berjaya mentafsir mimpi raja Mesir. Sifat amanah baginda bukan sahaja tercermin dalam keupayaannya mentadbir dengan cemerlang, malah dalam kejujuran, integriti, dan keikhlasannya mengurus sumber negara bagi kesejahteraan rakyat. Baginda memastikan bahawa segala harta dan sumber yang diamanahkan kepadanya dijaga dengan penuh teliti dan tidak disalahgunakan. Hasilnya, Mesir berjaya melalui krisis kemarau pada waktu tersebut sehingga dapat juga membantu rakyat dari negara luar yang meminta bantuan (Muhammad Jamil 2023).


Berdasarkan analisis yang dibentangkan, pengkaji mendapati aspek dalaman dan aspek luaran pada perwatakan Nabi Yusuf a.s terbahagi kepada dua. Aspek dalaman pada perwatakan Nabi Yusuf a.s terzahir pada amalan kerohanian dan kekuatan psikologi. Amalan kerohanian merujuk kepada tindakan Nabi Yusuf a.s yang berdoa kepada Allah SWT saat berhadapan dengan tekanan. Doa merupakan salah satu bentuk ibadah yang membuktikan pergantungan manusia kepada Allah SWT. Selain itu, Nabi Yusuf a.s memiliki kekuatan psikologi yang baik. Baginda hanya bermonolog di dalam hati tanpa diucapkan apabila berhadapan dengan adik-

beradiknya yang masih memburukkan baginda. Baginda bersabar menghadapi karenah adik beradiknya selain berfikiran positif walaupun berada dalam penjara.

Aspek luaran pada perwatakan Nabi Yusuf a.s dikenal pasti dalam dua bahagian, iaitu perkataan dan perbuatan. Nabi Yusuf a.s berani dan tegas dengan syariat Allah SWT dan menolak ajakan isteri al-'Aziz yang menginginkan diri baginda. Malah keberanian Nabi Yusuf a.s dapat dilihat apabila baginda menyuarakan kepada raja berkenaan fitnah yang berlaku kepada diri baginda. Akhlak yang baik yang sentiasa ditonjolkan menjadikan baginda orang rujukan tahanan dalam penjara. Peluang ini juga dimanfaatkan oleh Nabi Yusuf a.s untuk mengajak mereka beriman kepada Allah SWT. Ucapan yang baik kepada ahli keluarganya juga merupakan penzahiran perwatakan yang baik melalui ucapan.

#### PANDUAN PEMBINAAN WATAK DAN PERWATAKAN DALAM KARYA SASTERA BERTERASKAN AL-QURAN

Pembinaan watak dan perwatakan dalam karya sastera yang berteraskan al-Quran perlu merujuk kepada nilai-nilai yang dianjurkan dalam al-Quran. Panduan ini membantu penulis menghasilkan watak yang bukan sahaja menarik dan realistik tetapi juga mendidik pembaca melalui contoh hidup yang selaras dengan ajaran al-Quran. Berdasarkan analisis terhadap kisah Nabi Yusuf a.s, pengkaji membentangkan panduan pembinaan watak dan perwatakan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3: Panduan Pembinaan Watak dan Perwatakan Dalam Karya Sastera

Rajah 3 menunjukkan panduan dalam pembinaan watak dan perwatakan dalam karya sastera berteraskan al-Quran. Panduan ini boleh digunakan oleh pengarang sesebuah karya sastera dalam membina watak dan perwatakan

yang selaras dengan konsep pembinaan kisah dalam al-Quran. Pengarang boleh mengilustrasikan watak dengan merujuk peribadi Nabi Yusuf a.s yang memainkan pelbagai peranan seperti sebagai anak yang taat, seorang hamba yang sabar dan seorang pemimpin yang bijaksana. Ini menggambarkan kepelbagaian fungsi yang boleh dimainkan oleh sesuatu watak dalam karya sastera. Dalam konteks isu semasa, peranan yang pelbagai ini dapat diaplikasikan dalam pembentukan watak pemimpin atau individu yang menghadapi pelbagai situasi hidup, di mana setiap peranan yang dimainkan membawa mesej dan pengajaran khusus. Sebagai contoh, seorang pemimpin hari ini boleh dilhamkan daripada peranan Nabi Yusuf a.s sebagai seorang yang bijak dalam menghadapi krisis dan menjaga amanah selari dengan tuntutan integriti dalam dunia moden.

Perwatakan bagi watak yang terdapat dalam karya terbahagi kepada dua aspek utama iaitu luaran dan dalaman. Aspek luaran meliputi perkataan dan perbuatan yang dilihat oleh orang lain. Dalam surah Yusuf, perkataan dan perbuatan Nabi Yusuf a.s penuh hikmah dan adab sama ada ketika berbicara dengan raja atau menasihati saudara-saudaranya yang pernah menzaliminya. Aspek luaran ini penting dalam membina persepsi masyarakat terhadap watak tersebut. Dalam dunia nyata, sifat luaran ini berkait rapat dengan isu ketelusan dan kejujuran yang sangat diperlukan terutama oleh pemimpin dan tokoh masyarakat. Era digital yang berkembang pesat membolehkan tingkah laku dan kata-kata pemimpin sering dinilai di media sosial dan segala tindakan mereka mudah terdedah kepada masyarakat. Oleh itu, watak seperti Nabi Yusuf a.s yang konsisten dalam perbuatan dan perkataannya boleh menjadi model bagi pemimpin hari ini untuk berkomunikasi dengan penuh hikmah dan bertindak secara konsisten dengan prinsip moral mereka.

Bagi aspek dalaman, perwatakan Nabi Yusuf a.s. mengandungi unsur psikologi dan amalan kerohanian yang kuat yang memberi kekuatan dan ketenangan dalaman dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup. Dari sudut psikologi, Nabi Yusuf a.s menunjukkan ketabahan dan pengendalian emosi yang luar biasa ketika baginda memaafkan saudara-saudaranya yang pernah mengkhianatinya. Amalan kerohanian baginda pula terlihat dalam ketakwaan dan ketergantungannya kepada Allah SWT dalam setiap situasi. Ini memberikan contoh penting bagi manusia masa kini yang sering berhadapan dengan tekanan psikologi dan isu-isu kesihatan mental. Dunia yang semakin mencabar memerlukan contoh watak dengan ketahanan dalaman dan amalan rohani yang kuat seperti Nabi Yusuf a.s. Baginda menunjukkan pentingnya keseimbangan antara usaha duniaawi dan ketenangan rohani dalam mencapai kehidupan yang seimbang dan tenang.

Watak dan perwatakan Nabi Yusuf a.s dalam kerangka al-Quran bukan sekadar mencerminkan idealisme rohani, tetapi merupakan model

kepemimpinan yang menggabungkan kebijaksanaan luaran dan kekuatan dalaman yang relevan dengan cabaran semasa. Aplikasi panduan ini dalam pembinaan karya sastera membolehkan pembaca melihat nilai Islam dalam kehidupan harian terutama sifat manusia yang berusaha ke arah kebaikan meskipun berhadapan cabaran. Karya sastera juga dapat menjadi alat dakwah dan pendidikan yang halus melalui penonjolan watak dan perwatakan yang membantu menjadi medium untuk refleksi diri dan pembangunan jiwa yang berterusan.

## PENUTUP

Kajian ini menjelaskan kaitan antara karya sastera dan al-Quran dengan meneliti bagaimana al-Quran boleh berfungsi sebagai panduan dalam pembinaan karya yang bermanfaat. Analisis kajian memfokuskan kepada watak dan perwatakan dalam Surah Yusuf, khusus kepada Nabi Yusuf a.s sebagai watak utama dalam kisah. Hasil kajian memberikan panduan yang jelas bahawa watak dalam karya sastera hendaklah konsisten menonjolkan perwatakan yang baik sama ada aspek dalaman atau aspek luaran. Perkara ini membantu membina kepercayaan dan keterikatan pembaca terhadap watak tersebut sehingga pembaca menjadikannya model moral yang kuat dan inspirasi. Cabaran dunia semasa memerlukan masyarakat mendapat contoh bahan bacaan yang baik yang mampu memberi panduan untuk menghadapi cabaran dengan jelas. Maka, karya sastera boleh memenuhi keperluan ini melalui panduan yang baik dan berkesan daripada al-Quran. Selain watak dan perwatakan, terdapat elemen lain yang membina karya sastera iaitu tema, plot, latar, gaya penyampaian serta nilai dan pengajaran. Kajian lanjut boleh dilakukan untuk meneliti elemen-elemen ini dengan menjadikan kisah al-Quran sebagai panduan utama agar satu model lengkap pembinaan karya berteraskan al-Quran dapat dihasilkan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

## PENGHARGAAN

Tiada

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abbas, Fadal Hassan. 2010. *Wacana Al-Quran: Membongkar Dakwaan Palsu Orientalis Terhadap Al-Quran*. Terj. Dato' Dr Zulkifli Mohd. Yusoff. Batu Caves: PTS Islamika.
- Adhi, H. A. N. 2022. Early childhood education: study of Tafsir Tarbawi in Surat Yusuf. *Proceeding International Conference on Early Childhood Education in Multiperspective* (ICECEM 2022), pg. 501-513.
- Adli Yaacob. 2006. Sastera Islam dan Al-Quran: Analisa Terhadap Perkembangan Konsep dan Teori Sastera Islam Moden Oleh Beberapa Sasterawan Melayu di Malaysia. *Seminar Internasional Bahasa dan Penafsiran Al-Quran*.
- Adli Yaacob. 2019. Konsep sastera Islam oleh Kassim Ahmad. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 1(4): 117-128.
- Adli Yaacob. 2022. Konsep Sastera Islam Mengikut Ismail Faruqi. *International Journal of Modern Education*. 4(12): 59-77.
- Adli Yaacob. 2022. Teori Takmilah Sebagai model sastera Islam mengikut Dr. Shafie Abu Bakar. *International Journal of Modern Education*, 3(11): 108-140.
- Ainon Mohd. 2011. *Panduan Menulis Novel Teknik Surah Yusuf*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Al-Khālidī, Ṣalāḥ. 2016. *Al-Qaṣaṣ al-Qur’ānī*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Nablusī, Muhammad Rātib. 2017. *Tafsīr al-Nablusī*. Amman: Mu’assasah al-Fursan.
- Al-Qattan, Manna Khalil. 2011. *Studi Ilmu-ilmu al-Quran*. Terj-Mudzakir AS. Bogor: Pustaka Litera Antarnusa.
- Al-Qurṭubī, Muhammad bin Ahmad. 2004. *Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ṭabarī, Muhammad Ibn Jarir. 2007. *Tafsīr Al-Ṭabarī*, Jilid 1. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Ṭāhir, Ḥāmid Ahmād. 2017. *Kisah-kisah Dalam Al-Quran*. Jakarta: Penerbit Ummul Qura.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2014. *Tafsir Munir*, Jil. 7. Jawa Barat: Gema Insani.
- Amru Khalid. 2014. *Riwayat Lengkap dan Untaian Kisah Para Nabi dan Rasul*. Selangor: Jasmin Publication.

- Fathnin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid. 2018. Pendidikan Sastera Melayu Memperkuatkan Pembinaan Karakter Pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13: 1-14.
- Hamka. 2019. *Tafsir Surah Yusuf dan Juzu' 12*. Selangor: PTS Publishing House.
- Ibn Kathīr, Ismail. 2019. *Tafsīr Ibn Kathīr*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafī'i.
- Khairunnisa Ismail. 2020. Kepentingan al-Qasas Dalam al-Quran. *E-Prosiding of The 2<sup>nd</sup> International Conference on Contemporary Issues in al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)*, hlm. 191-201. [https://conference.uis.edu.my/thiqah/images/eprosiding2020/eproceedingthiqah20\\_015\\_KEPENTINGAN-AL-QASAS-DALAM-AL-QURAN.pdf](https://conference.uis.edu.my/thiqah/images/eprosiding2020/eproceedingthiqah20_015_KEPENTINGAN-AL-QASAS-DALAM-AL-QURAN.pdf).
- Mariyatul Norhidayati Rahmah. 2016. Model komunikasi interpersonal dalam kisah Nabi Yusuf a.s. *Jurnal Ilmu dan Teknik Dakwah*, 4(1): 1-12.
- Miftah Mucharomah. 2017. Kisah sebagai metode pendidikan akhlak dalam perspektif Al-Quran. *Jurnal Pendidikan Islam (Edukasia Islamika)*, 2(1): 146-170.
- Misri Kholidah Nasution. 2024. Konsep penampilan diri dalam menjaga keutuhan rumah tangga perspektif hukum Islam. *Jurnal Dunia Ilmu Hukum dan Politik*, 2(1): 237-251.
- Moh. Mauluddin, Khusnul Muttaqin & Ahmad Syafi'i. 2022. Ibrah kisah penolakan Nabi Yusuf terhadap ajakan Imra'at al-Aziz perspektif Tafsir Maqashidi. *Jurnal Ilmu Al-Quran dan Tafsir (al-Furqan)*, 5(1): 126-142.
- Mohd Zain Mohmood. 2015. *Keunikan dan Keindahan Bahasa Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Jamil. 2023. Analisis makna Surah Yusuf (Kajian dengan pendekatan filosofis). *Jurnal Al-I'jaz*, 5(2): 65-75.
- Nadiyah Hashim, Jamalia Aurani, Noo Azura Zainuddin, Solihah Haji Yahya Zikri, & Zuraimy Ali. 2022. Sumbangan novel patuh syariah dalam membina masyarakat sejahtera. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46): 420-429.
- Nurul Hudani Md. Nawi & Baharudin Othman. 2016. Personaliti: Konsep, kunci dan sumber menurut perspektif Islam. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 3(3): 15-24.
- Osman, R. A. H. 2014. The literary facet of the quran as a guideline for Islamic literary writing. *Al-Shajarah: Journal of the International*

- Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 19(2): 215-250.*
- Samsina Abd. Rahman. 2021. *Sastera Melayu Islam: Konsep, Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir fi Zilalil Quran*. Pustaka Darul Iman.
- Siti Anisah Muhamad Johan & AbRahman Roseliza Murni. 2021. Pengaruh imej badan dan penghanrgaan kendiri ke atas kebimbangan sosial dalam kalangan mahasiswa di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 35(1): 36-52.
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham, & Phayilah Yama. 2020. Mentauhidkan Allah Asas Kecerdasan Spiritual Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1): 34-42.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan. 2021. Keberkensanan Unsur Watak dan Perwatakan Dalam Cerita Rayat Dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*, 20(2): 230-246.
- Zahiruddin Zabidi. 2018. *Hamka, Surah Yusuf dan Sastera*. Selangor: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Zulkarnain Mohamed. 2011. Pendekatan Ta'amul-Taklif dalam kajian sastera. *Sari-International Journal of the Malay World and Civilization*. 29(1): 137-152.

#### SENARAI PENGARANG

Syafawati Salihan  
Calon Pelajar Doktor Falsafah  
Jabatan Al-Quran dan Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
E-mel: [syafawati@uniten.edu.my](mailto:syafawati@uniten.edu.my)

Prof. Madya Dr. Monica@Munirah Abd. Razzak  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Al-Quran dan Hadith  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
E-mel: [munirahar@um.edu.my](mailto:munirahar@um.edu.my)

Prof. Madya Dr. Norrodzoh Hj. Siren  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
E-mel: [raudah68@um.edu.my](mailto:raudah68@um.edu.my)